

TAHAP KEFUNGSIAN KELUARGA DALAM KALANGAN GURU DI KELANTAN

THE LEVEL OF FAMILY FUNCTIONING AMONG TEACHERS IN KELANTAN

FATEN FARHANA MOHAMAD^{1*} & SITI HAJAR MOHAMMAD YUSOFF²

¹⁻² Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

Corresponding author*: fatenfarhana5659@gmail.com

Received: 18 Nov 2021

Accepted: 29 Nov 2021

Published: 30 Dis 2021

Abstrak: Dasar Keluarga Negara diwujudkan untuk memperkasakan status institusi kekeluargaan serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Dalam usaha untuk mewujudkan keluarga yang sejahtera, kefungsiannya merupakan asas penting yang perlu dititikberatkan. Walau bagaimanapun, kes keruntuhan rumah tangga di Malaysia merekodkan peningkatan setiap tahun. Keadaan ini membimbangkan banyak pihak dan memerlukan perhatian daripada pelbagai aspek untuk meningkatkan lagi kualiti perkahwinan seterusnya menghasilkan keluarga yang dapat berfungsi dengan baik. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kefungsiannya keluarga dalam kalangan guru di Kelantan. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan instrumen *Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scale*. Kajian ini melibatkan sampel 63 orang guru dari populasi 75 orang guru dari sebuah sekolah menengah di negeri Kelantan. Data dipersembahkan melalui statistik deskriptif dalam bentuk sisihan piawai, min, kekerapan dan peratus. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefungsiannya keluarga responden berada pada tahap yang tinggi dan memuaskan. Hal ini demikian menunjukkan responden mempunyai hubungan kekeluargaan yang stabil. Kesimpulannya, kajian ini dapat memberi sumbangan dari sudut perbincangan teori di samping memberi implikasi positif terhadap amalan pasangan suami isteri, guru, masyarakat, kaunselor, organisasi terlibat dan kementerian dalam memperkukuhkan institusi keluarga dan perkahwinan.

Kata kunci: Kefungsiannya keluarga, Guru, Kelantan

Abstract: *The National Family Policy aims to enhance the family institution while also improving society's quality of life. The foundation for building a tranquil family is a high level of family functioning. However, data reveal that the number of divorces has been progressively rising each year. This is a worrying scenario that necessitates attention from a variety of sources in order to focus efforts on improving the quality of marriages and creating a family that can operate successfully. Therefore, this study aims to identify the level of family functioning among teachers in Kelantan. In this study, a quantitative method was used using Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scale. This study involved a sample of 63 teachers from a population of 75 teachers from a secondary school in Kelantan. Descriptive statistics in the form of standard deviations, min, frequency, and percentage were used to analyse the data. In general, the study's findings indicate that the respondents' family functioning is quite high. This also indicates that the*

respondents have a stable family relationship. As a result, this research can contribute to the discussion of theory, as well as positive implications on the practise of married couples, teachers, society, counsellors, involved organisations, and ministries in strengthening family and marriage institutions.

Keywords: Family Functioning, Teachers, Kelantan

Cite this article: Faten Farhana Mohamad & Siti Hajar Mohammad Yusoff. (2021). Tahap kefungsiian keluarga dalam kalangan guru di Kelantan (*The level of family functioning among teachers in Kelantan*). Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE), 1(4), 210-218.

PENGENALAN

Rumah tangga adalah asas kepada pembentukan keluarga yang menjadi tonggak dalam pembinaan sistem sosial masyarakat. Keluarga adalah isi rumah yang terhasil daripada ikatan perhubungan secara sah sebagai suami isteri melalui perkahwinan. Unsur-unsur kefungsiian keluarga merangkumi perpaduan, nilai kekeluargaan, pola komunikasi dan interaksi yang positif serta kemahiran kekeluargaan seperti kemahiran bertindak, bersikap positif dan boleh mengatur dan merancang matlamat (Adi Fahrudin et al., 2014).

Kefungsiian keluarga ialah gabungan kebolehsuaian, kesepaduan, penyesuaian termasuk komunikasi keluarga (Olson et al., 1992). Kefungsiian keluarga juga merujuk kepada amalan keibubapaan, interaksi dan komunikasi, keterbukaan dan penerimaan dalam keluarga yang membolehkan ibu bapa mengambil bahagian dalam perkembangan anak-anak mereka (Wood et al., 1988). Antara punca peningkatan kes perceraian adalah disebabkan oleh kegagalan atau kekurangan dalam mengamalkan elemen-elemen kefungsiian keluarga.

Penekanan konsep keluarga yang sejahtera dan pembangunan keluarga positif terkandung dalam Dasar Keluarga Negara (DKN) yang diluluskan oleh kerajaan pada 17 Disember 2010. DKN mengupayakan konsep kebajikan keluarga yang berasaskan nilai kekeluargaan seperti cinta, kejujuran, keadilan dan saksama untuk semua orang tanpa mengira status, jantina atau usia (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2010). Selain itu, bagi memastikan kestabilan masyarakat, DKN juga berusaha untuk mewujudkan keluarga yang sihat, aman, damai dan berdaya tahan.

Di samping itu, DKN juga berfungsi sebagai perangsang kepada semua pihak yang bertanggungjawab termasuk semua ahli masyarakat untuk lebih memahami dan komited diri untuk mencapai keputusan yang diinginkan. Oleh itu, ketegangan yang dialami oleh kedua ibu bapa yang bercerai boleh mempengaruhi anak mereka. Perceraian juga merupakan salah satu krisis yang paling mendesak yang melemahkan penyesuaian sistem keluarga. Hubungan ibu bapa dan anak-anak akan terjejas. Kefungsiian keluarga akan memastikan bahawa keluarga menjalankan fungsinya dalam kehidupan seharian.

Keluarga adalah unit asas masyarakat yang menyediakan sumber manusia untuk pembangunan dan memastikan kelangsungan generasi akan datang. Keluarga adalah salah satu unit terpenting masyarakat seperti yang terkandung dalam peruntukan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejahtera (1948). Hal ini demikian menunjukkan kewajaran bagi masyarakat dan pemimpin untuk memberikan perlindungan kepada institusi keluarga. Sehubungan dengan itu,

institusi keluarga mesti diperkukuhkan, ditingkatkan dan dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran, dan pengetahuan yang paling terkini.

Penyataan Masalah

Hubungan perkahwinan yang kuat sangat penting untuk pembangunan keluarga dan masyarakat yang berkembang. Hubungan perkahwinan iaitu sebagai asas dalam diri individu dan keluarga, memainkan peranan penting dalam merealisasikan cita-cita negara untuk mewujudkan keluarga yang sejahtera (Gottman & Notarius, 2002). Keluarga yang berfungsi merujuk kepada keluarga yang tidak banyak memberi tekanan kepada ahli keluarganya. Keluarga yang tidak berfungsi pula banyak memberi tekanan dan masalah kepada ahli keluarganya serta mengganggu kehidupan sempurna.

Keadaan semasa di Malaysia amat membimbangkan sehingga menuntut perhatian daripada masyarakat supaya menjaga keharmonian hubungan perkahwinan. Statistik yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa keadaan sistem perkahwinan yang membimbangkan dan kadar perceraian meningkat dari tahun ke tahun. Jumlah perceraian yang dicatatkan dalam laporan perangkaan perkahwinan dan perceraian Malaysia 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak 12% pada 2019 kepada 56975 berbanding 50862 pada tahun sebelumnya. Kadar perceraian bagi lelaki berkahwin meningkat sebanyak 0.7% manakala kadar perceraian wanita juga menunjukkan trend yang sama iaitu meningkat sebanyak 0.7% per seribu populasi wanita yang sudah berkahwin. Purata umur ketika bercerai bagi lelaki adalah 37 tahun dan wanita pada usia 34 tahun. Manakala negeri Selangor, Johor dan Perak mencatatkan jumlah perceraian tertinggi pada tahun 2019 (Mohd Uzir, 2020).

Kes keganasan rumah tangga juga dilaporkan meningkat saban tahun. Hal ini demikian disebabkan oleh tahap kefungsi keluarga yang rendah dalam keluarga apabila ahli keluarga tidak menjalankan peranan dengan baik. Perkahwinan yang bahagia dan sihat dengan komunikasi terbuka memberi contoh yang positif kepada anak-anak. Anak-anak yang bermasalah dengan kelakuan agresif dan ganas serta penglibatan dalam gejala sosial sering dikaitkan dengan hubungan perkahwinan yang tidak sihat.

Melalui kajian Maznah, Norulhuda dan Ezarina (2019) mendapati bahawa komunikasi yang tidak berkesan antara suami dan isteri menyebabkan ketidakfungsi keluarga sehingga berlakunya masalah gejala sosial dalam kalangan remaja. Hal ini demikian menunjukkan kurangnya komunikasi dalam keluarga akan mengganggu kefungsi keluarga seterusnya merosakkan kesejahteraan keluarga. Kekurangan perkongsian emosi, komunikasi keluarga dan menghabiskan masa yang bermakna dengan anak-anak antara faktor yang dikaitkan dengan kefungsi keluarga yang lemah (Asmawati, Fatimah, Zainah, Nor Ba'iah, Mohd Norahim, 2015).

Menurut maklumat yang dicatatkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) pada tahun 2020, statistik perceraian menunjukkan peningkatan dari tahun 2018 hingga ke tahun 2020 yang direkodkan di negeri Kelantan. Masalah komunikasi mencatatkan jumlah aduan runding cara yang tertinggi iaitu 144 aduan dalam tempoh empat tahun. Ini menunjukkan faktor komunikasi sangat penting dalam menjaga hubungan antara suami dan isteri.

Cara sesebuah keluarga berfungsi mempunyai kesan yang besar terhadap tingkah laku anak-anak. Kekurangan perkongsian emosi, hubungan keluarga dan menghabiskan masa yang bermakna dengan anak-anak adalah faktor yang dikaitkan dengan penglibatan remaja dalam gejala sosial. Terdapat kajian yang mengkaji masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat Kelantan mendapati bahawa faktor masalah rumah tangga yang dihadapi oleh ibu dan bapa merupakan penyumbang terbesar majoriti remaja terlibat dalam gejala sosial. Oleh itu, kajian lebih lanjut mengenai tahap kefungsiannya keluarga amat penting untuk mewujudkan kesedaran dalam masyarakat terutamanya kepada ibu bapa berkaitan dengan peranan dalam keluarga selaras dengan usaha DKN untuk melahirkan keluarga yang dapat berfungsi dengan baik (Zulfikri, Yohan & Haris, 2013).

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan mengenal pasti tahap kefungsiannya keluarga dalam kalangan guru di negeri Kelantan.

SOROTON LITERATUR

Kajian yang dijalankan oleh Siti Hajar dan Yahya (2016) yang mengkaji tahap kefungsiannya keluarga yang melibatkan seramai 1200 orang responden mendapati tahap kefungsiannya keluarga kebanyakan responden berada pada tahap sederhana iaitu melibatkan seramai 862 orang responden (71.8%), manakala seramai 319 orang (26.6%) berada pada tahap tinggi dan seramai 19 orang lagi (1.6%) adalah pada tahap rendah.

Begitu juga dengan kajian oleh Firra Nor Nayana (2013) yang mengkaji tahap kefungsiannya keluarga menunjukkan bahawa responden yang mencapai tahap kefungsiannya keluarga yang tinggi adalah sedikit berbanding responden yang memiliki kefungsiannya keluarga yang rendah. Hal ini dibuktikan melalui 79 responden yang dijadikan sampel, seramai 38 responden dikategorikan memiliki kefungsiannya keluarga tinggi dengan peratusan sebanyak 48.1% dan yang dikategorikan memiliki kefungsiannya keluarga rendah seramai 41 responden dengan peratusan 51.9%.

Seterusnya, kajian oleh Asmawati et al. (2015) yang juga mengkaji tahap kefungsiannya keluarga memaparkan keputusan tahap kefungsiannya keluarga yang mana majoriti responden berada di tahap sederhana iaitu 63.3%, 36.7% berada di tahap yang tinggi dan tidak ada yang berada di tahap rendah. Ini juga menunjukkan responden yang dikaji tidak menghadapi masalah dalam keluarga kerana mereka dapat berfungsi dengan baik.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Zainah et al. (2013) iaitu kefungsiannya keluarga dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C) secara keseluruhan menunjukkan kebanyakan klien adalah di tahap yang sederhana iaitu seramai 338 klien (68.3%) manakala di tahap tinggi seramai 145 (29.3%) dan tahap rendah seramai 12 klien (2.4%). Manakala, Ahmad Khairuddin, Haikal Anuar, Daniella, Najwa Afiqa dan Nazuha (2018) dalam kajiannya iaitu tahap kefungsiannya keluarga di Kementerian Sumber Manusia,

menyatakan majoriti responden berada pada tahap kefungsiian keluarga yang tinggi iaitu seramai 679 orang (71.9%) berbanding sederhana 246 orang (26%) dan rendah 20 orang (2.1%).

Teori Kajian

Kerangka teori dalam konteks kajian ini adalah berdasarkan *Circumplex Model of Marital and Family Systems* yang dibina oleh Olson, Sprinkle dan Russell (1979). Model ini berfokuskan sistem dan mengintegrasikan tiga dimensi yang dianggap sangat relevan dalam pelbagai model teori keluarga dan pendekatan terapi keluarga. Tiga dimensi utama yang diberi tumpuan dalam model ini ialah kohesi, fleksibiliti dan komunikasi. Gabungan antara tahap dalam ketiga-tiga dimensi tersebut memberikan satu gambaran tentang kefungsiian keluarga.

Alat ujian khusus juga telah dibina oleh Olson (2011) untuk mengukur kefungsiian keluarga iaitu *Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scales* (FACES). FACES ini telah dijadikan indikator pengukuran melalui pembinaan fungsi keluarga dalam kajian ini. Penggunaan alat ujian yang dibina berdasarkan konsep dalam model yang diterangkan dalam kajian ini dapat mengukur konsep kefungsiian keluarga dengan lebih tepat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Reka bentuk kajian pula menggunakan pendekatan kajian tinjauan keratan lintang atau cross-sectional survey dengan borang soal selidik diedarkan kepada responden bagi mendapatkan data kajian. Penganalisan data menggunakan statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan bagi meneliti gambaran sebenar mengenai tahap kefungsiian keluarga responden.

Seramai 63 orang responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada guru lelaki dan perempuan di salah sebuah sekolah menengah di negeri Kelantan. Populasi di dalam kajian ini terdiri daripada 75 orang guru. Sampel ini diambil berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Negeri ini dipilih berdasarkan peningkatan kadar perceraian dan kemerosotan kualiti perkahwinan melalui rekod yang dikeluarkan oleh JAHEAIK.

Pensampelan

Pengkaji memilih untuk menggunakan teknik pensampelan kebarangkalian iaitu pensampelan rawak mudah. Teknik pensampelan ini juga dipilih kerana memudahkan pengkaji mengedarkan soal selidik dalam bentuk *google form* serta bersesuaian dengan keadaan semasa kajian dilaksanakan iaitu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia, menyebabkan pergerakan pengkaji terbatas bagi mengedarkan soal selidik kepada semua responden kajian. Oleh itu, teknik ini dilihat sebagai kaedah yang paling sesuai.

Instrumen Kajian

Data untuk kajian ini dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden untuk mencapai objektif-objektif kajian serta untuk mendapat gambaran yang jelas tentang latar belakang

subjek. Secara terperinci, keseluruhan borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A adalah soal selidik yang berkaitan latar belakang responden yang bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai ciri-ciri demografi responden yang terdiri daripada jantina, umur dan tempoh perkahwinan. Bahagian B pula dikemukakan soal selidik berkaitan pengukuran kefungsi keluarga. Soal selidik ini dinamakan *Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scale* (FACES III) yang diasaskan oleh Olson, Portner dan Lavee (2003). Bahagian ini adalah untuk mengkaji tahap kefungsi keluarga yang mengandungi 20 soalan. Data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan perisian komputer SPSS versi 20.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Demografi

Jadual 1 menunjukkan taburan faktor demografi bagi responden kajian. Daripada 63 orang responden, 26 orang (41.3%) adalah guru lelaki manakala 37 orang (58.7%) adalah guru perempuan. Dari segi faktor umur, majoriti daripada responden berumur 40 tahun ke atas iaitu 40 orang atau 63.5% diikuti responden yang berumur 31 hingga 40 tahun iaitu 13 orang atau 20.6%. 10 orang atau 15.9% responden kajian berumur 20 hingga 30 tahun. Dari segi tempoh perkahwinan pula, seramai 14 orang atau 22.2% responden yang mempunyai tempoh perkahwinan 0-10 tahun. Responden yang telah berkahwin selama 11 hingga 20 tahun adalah seramai 19 orang bersamaan 30.2% manakala responden yang mempunyai tempoh perkahwinan 20 tahun ke atas adalah seramai 30 orang bersamaan 47.6%.

Jadual 1: Demografi Responden

Demografi		Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	26	41.3
	Perempuan	37	58.7
	Jumlah	63	100
Umur	20-30 tahun	10	15.9
	31-40 tahun	13	20.6
	40 tahun ke atas	40	63.5
	Jumlah	63	100
Tempoh Perkahwinan	0-10 tahun	14	22.2
	11-20 tahun	19	30.2
	30 tahun ke atas	30	47.6
	Jumlah	63	100

Kefungsian Keluarga

Jadual 2 menunjukkan tahap kefungsian keluarga responden berada pada tahap tinggi dengan nilai min sebanyak 3.67 dan sisihan piawai sebanyak 0.277. Tahap skor min diukur dengan merujuk kepada jadual interpretasi skor min untuk skala likert lima yang dinyatakan oleh Pallant (2007).

Jadual 2: Min dan Sisihan Piawai Kefungsian Keluarga

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai
Kefungsian Keluarga	3.67	0.277

Jadual 3 memaparkan keputusan tahap kefungsian keluarga yang mana bilangan responden yang mempunyai tahap kefungsian keluarga yang sederhana ialah 29 orang bersamaan 46% manakala responden yang berada di tahap tinggi adalah seramai 34 orang bersamaan 54% dan tidak ada yang berada di tahap rendah. Ini juga menunjukkan responden yang dikaji mempunyai hubungan kekeluargaan yang positif yang menghasilkan keluarga yang dapat berfungsi dengan baik.

Jadual 3: Tahap Kefungsian Keluarga

Tahap Kefungsian Keluarga	Kekerapan	Peratusan (%)
Sederhana	29	46
Tinggi	34	54
Jumlah	63	100

Berdasarkan jadual di bawah jumlah min tertinggi adalah pada item 20 “semangat kekeluargaan adalah sangat penting” dengan jumlah min sebanyak 4.92. Item yang mengumpulkan jumlah min yang paling rendah adalah item yang ke 10 iaitu dengan pernyataan “sukar untuk mengetahui siapakah pemimpin dalam keluarga saya” dengan jumlah min sebanyak 1.51.

Jadual 4: Min berdasarkan Item Kefungsian Keluarga

Bil.	Item	Min
1.	Setiap ahli keluarga mengambil berat tentang kehidupan ahli keluarga yang lain	4.65
2.	Ahli keluarga merasai hubungan yang sangat rapat antara satu sama lain	4.71
3.	Kami saling bertukar-tukar dalam menunaikan tanggungjawab di rumah	4.57
4.	Ahli keluarga menyokong antara satu sama lain ketika waktu susah	4.73
5.	Ahli keluarga mengenali kawan-kawan ahli keluarga yang lain	4.13
6.	Ahli keluarga suka menghabiskan masa lapang bersama-sama	4.43
7.	Peraturan dan peranan berubah dalam keluarga kami	3.68
8.	Tiada kepimpinan dalam keluarga kami	1.60
9.	Dalam keluarga kami, adalah tidak jelas tentang siapa yang bertanggungjawab untuk banyak perkara (kerja-kerja rutin, aktiviti-aktiviti)	2.13

10.	Sukar untuk mengetahui siapakah pemimpin dalam keluarga saya	1.46
11.	Lebih mudah bagi kami untuk berurusan dengan orang yang bukan ahli keluarga berbanding dengan ahli keluarga	1.90
12.	Ahli keluarga rapat dengan ahli keluarga berbanding dengan orang yang bukan ahli keluarga	4.24
13.	Walaupun ahli keluarga mempunyai minat yang tersendiri mereka masih melibatkan diri dalam aktiviti kekeluargaan	4.51
14.	Anak-anak membuat keputusan dalam keluarga saya	2.81
15.	Ahli keluarga merujuk kepada ahli keluarga lain dalam membuat keputusan penting	3.62
16.	Cadangan anak-anak diambil kira dalam penyelesaian masalah	4.08
17.	Ibubapa dan anak-anak berbincang mengenai hukuman atau denda yang akan dikenakan	3.81
18.	Anak-anak mempunyai suara dalam pembentukan disiplin mereka	3.49
19.	Ahli keluarga saya boleh berfikir dengan mudah mengenai aktiviti yang akan dilakukan bersama	4.08
20.	Semangat kekeluargaan adalah sangat penting	4.92

KESIMPULAN

Kajian ini membincangkan tentang tahap kefungsi keluarga dalam kalangan guru di Kelantan. Secara keseluruhannya, tahap kefungsi keluarga responden berada pada tahap yang tinggi. Semua pihak termasuk pihak kerajaan, media massa dan masyarakat haruslah bekerjasama menjalankan peranan masing-masing dalam usaha melahirkan keluarga yang dapat berfungsi dengan baik.

Kajian ini diharap dapat dijadikan penanda aras kepada pihak tertentu yang terlibat dalam pemerkasaan sistem kekeluargaan seperti Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Mereka boleh menggunakan aspek kajian ini sebagai salah satu ciri yang perlu diambil kira dalam perancangan aktiviti yang akan dilaksanakan oleh mereka. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan yang besar kepada pasangan suami isteri khususnya yang terlibat dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan di negara ini.

RUJUKAN

- Adi Fahrudin, Husmiati Yusuf & Mohd Dahlan A. Malek (2014). Kefungsi Keluarga: Konsep dan Indikator Pengukuran dalam Penyelidikan. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga*. Universiti Malaysia Sabah, 11 Disember 2014.
- Ahmad Khairuddin Mohd Ghazi, Haikal Anuar Adnan, Daniella Mokhtar, Najwa Afiqa Rohaizad & Nazuha Shamshuddin (2018). Kefungsi Keluarga dan Perkaitannya dengan Motivasi

- Pencapaian: Satu Kajian di kementerian Sumber Manusia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3), 1-12.
- Asmawati Desa, Fatimah Yusoooff, Zainah Ahmad Zamani, Nor Ba'ayah Abdul Kadir, Mohd Norahim Mohamed Sani (2015). Kemahiran Keibubapaan, Kefungsian Keluarga dan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Ibu bapa. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29(2), 32-42.
- Firra Nor Nayana (2013). Kefungsian Keluarga dan Subjective Well-Being Pada Remaja. *Jurnal Ilmiah Psikologi Terapan*, 1(2), 230 - 244.
- Gottman, J. M., & Notarius, C. I. (2002). Marital Research in the 20th Century and A Research Agenda for The 21th Century. *Family Process Journal*, 41, 159-179.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (2020). *Nikah, Cerai & Rujuk 2020*. Diakses pada 1 Mac 2021 dari <http://www.jaheaik.gov.my>
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2010). *Dasar Keluarga Negara*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Maznah Othman, Norulhuda Sarnon, & Ezarina Zakaria (2019). Meneroka Kefungsian Keluarga Remaja Perempuan Tidak Terkawal Yang Dirujuk Ibu Bapa Untuk Intervensi. *Jurnal Kerja Sosial*, 16(9), 86-101.
- Mohd Uzir Mahidin (2020). *Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian 2020*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Nurhidayah & Syarifah Zahrah (2010). Cabaran Wanita Bekerja Dalam Pembentukan Keluarga Hadhari. *Jurnal CITU*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Olson, D. H., Portner, J., & Lavee, Y. (2003). *FACES III: family version*. Minneapolis, MN: Life Innovations, Inc.PPPM, 2013-2025.
- Olson, D. H., Russell, C. S., & Sprenkle, D. H. (1979). Circumplex Model of Marital and Family Systems: Cohesion And Adaptability Dimensions, Family Types, And Clinical Applications. *Family Process*, 18(1), 3-28.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual. A Step By Step Guide To Data Analysis Using SPSS. Third Edition*. Allen & Unwin.
- Siti Hajar Mohamad Yusoff & Yahya Don (2016). Kefungsian Keluarga dan Pengherotan Kognitif dalam Kalangan Belia di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30 (1). 9-16.
- Wood, J., Chapin, K., & Hannah, M. E. (1988). Family Environment and Its Relationship to Underachievement. *Adolescence*, 23(90): 283- 290.
- Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yusoooff, & Siti Hajar Mohamed Yusoff. (2013). Kefungsian Keluarga, Pengherotan Kognitif Dan Resilien Dalam Kalangan Klien Cure And Care Rehabilitation Centre (CCRC) Dan Klinik Cure And Care (C&C). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27, 137-149.
- Zulfikri Abd. Wahab, Yohan Kurniawan & Haris Abd. Wahab (2013). Pengurusan Masalah Sosial Yang Berlaku Dalam Komuniti Pesisir di Kelantan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 24(1).